

Beli pesawat: 2 pasukan penilai ke Rusia, AS

UM - 2 FEB 2002

KUANTAN 1 Feb. — Kementerian Pertahanan akan menghantar dua pasukan penilai ke Rusia dan Amerika Syarikat (AS) sebagai langkah awal membeli pesawat tempur baru sama ada jenis Sukhoi (Su-37) atau FA-18 Super Hornet.

Menterinya, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata, satu pasukan penilai akan ke Rusia untuk meninjau kesesuaian pesawat Sukhoi dengan kemampuan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pada pertengahan bulan ini.

“Satu lagi pasukan ke Amerika Syarikat, Mac depan untuk tujuan yang sama terhadap pesawat Super Hornet,” katanya pada sidang akhbar selepas malam penghargaan peserta LIMA 2001 di sebuah hotel di sini malam tadi.

Menurut beliau, persetujuan muktamad untuk membeli salah

satu pesawat berkenaan akan diketahui selepas mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Setelah mendapat laporan daripada kedua-dua pasukan penilai ini, saya akan berbincang dengan Perdana Menteri untuk menentukan apa juga keputusan kerajaan mengenainya,” kata Najib.

Beliau bagaimanapun berkata, pembelian salah satu pesawat berkenaan turut dipengaruhi oleh beberapa faktor lain antaranya dari segi kemampuan kerajaan.

“Walaupun ada keperluan untuk meningkatkan pembangunan TUDM menerusi pembelian pesawat, kemampuan kerajaan merupakan salah satu yang turut perlu diambil kira,” kata Najib.

Menurutnya, keperluan memajukan TUDM dengan pembelian

peralatan baru ini akan meningkatkan prestasinya dalam menangkis sebarang ancaman terhadap kestabilan negara.

Mengenai LIMA atau Langkawi International Maritim and Aerospace, Najib berkata: “Pembaitan TUDM di dalam pertunjukan ini tetap diteruskan walaupun kita tiada pasukan aerobatik yang khusus mengenainya.”

“Memang ada permintaan yang kuat di kalangan rakyat tempatan untuk melihat kemampuan TUDM dalam LIMA tetapi kita tidak cukup perkakas atau pesawat yang khas untuk tujuan itu,” jelasnya.

Kata Najib, sekalipun LIMA banyak menonjolkan pasukan aerobatik luar negara, ia tidak bermakna ruang untuk pasukan TUDM memaparkan kemampuan tersendiri mereka akan diabaikan.